



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 15 FEBRUARI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MALAYSIA-INDONESIA PERKUKUH KERJASAMA DUA HALA DALAM BIDANG SEKURITI MAKANAN, PERTANIAN, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
2.	30 LADANG BABI DI PULAU PINANG DIJANGKITI ASF, NEGERI P.PINANG, SH -27	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	GREEN TURTLE CARCASS FOUND ON LABUAN BEACH, NEWS, THE SUN -5	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	LARGE GREEN SEA TURTLE FOUND DEAD ON LABUAN BEACH, HOME, BORNEO POST (KK) -2	
5.	BANGKAI PENYU HIJAU DITEMUI TERDAMPAR DI LABUAN, NASIONAL, SH -20	
6.	TEKNOLOGI DRON SEMAKIN DITERIMA PESAWAH, NASIONAL, NEGERI KEDAH -27	LAIN-LAIN
7.	TDM PERLUAS LADANG INTEGRASI KEPADA TERNAKAN, NASIONAL, SH -19	
8.	MENGUSAHAKAN KEBUN KERANG, K2, KOSMO -19	
9.	'MENUAI' KERANG DARAH, K2, KOSMO -20	
10.	KERANG BERNUTRISI TETAPI BOLEH TERCEMAR, K2, KOSMO -21	
11.	ANGGUR SIMPANG EMPAT MANIS, ENAK, GAYA TANI, UM -24 & 25	
12.	LADANG INTEGRASI TENTERA DIPERLUAS, DALAM NEGERI, UM -32	
13.	HOME GROW BOX KONSEP TAMAN SAYUR DALAM KEDIAMAN, DALAM NEGERI, UM -32	
14.	KAWASAN PEJABAT JADI KEBUN TIMUN, HALIA, DALAM NEGERI, UM -33	
15.	BERMULA SEBAGAI PELADANG, KINI MILIKI TAMAN RUMINAN, DALAM NEGERI, UM -33	

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/2/2023	ASTRO AWANI	ONLINE	

Malaysia-Indonesia perkukuh kerjasama dua hala dalam bidang sekuriti makanan, pertanian



Mohamad Sabu (kiri) ketika mengadakan pertemuan bersama Duta Besar Indonesia di Malaysia Hermono di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, pada Selasa. - Foto Facebook/Mohamad Sabu

KUALA LUMPUR: Malaysia dan Indonesia akan memperkukuh kerjasama dua hala dalam bidang sekuriti makanan menerusi perdagangan agromakanan serta kerjasama teknikal pertanian bagi menjamin sumber makanan yang mampan dan berterusan.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dalam kenyataan memaklumkan perkara itu dibincangkan dalam pertemuan antara Menteri Datuk Seri Mohamad Sabu dengan Duta Besar Indonesia di Malaysia Hermono di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang di sini, pada Selasa.

Menurut kenyataan itu, kedua-dua negara berkenaan turut bersedia untuk memperkukuh kerjasama dua hala dalam bidang pertanian termasuk kerjasama di bawah platform serantau ASEAN.

"Dalam hubungan ini, Indonesia merupakan Pengerusi ASEAN bagi 2023 manakala Malaysia ialah tuan rumah bagi Mesyuarat Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (AMAF) ke-45 pada tahun ini.

"Sebagai Pengerusi ASEAN, Indonesia bersetuju memberikan fokus terhadap sekuriti makanan di rantau ini," menurut kenyataan itu.

Dalam pertemuan berkenaan, kenyataan itu menyebut Mohamad dipelawa ke Indonesia bagi melihat dengan lebih dekat kejayaan pembangunan industri padi yang telah mencapai 100 peratus bagi Tahap Sara Diri (SSL) untuk menampung keperluan dan penggunaan beras domestik negara berkenaan.

Selain itu, Indonesia juga bersedia untuk mengeksport jagung bijian dan produk ternakan seperti daging, susu dan telur ayam bagi memenuhi keperluan Malaysia.

Pertemuan hari ini turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFS Datuk Azah Hanim Ahmad serta pegawai kanan kementerian selain wakil Kedutaan Indonesia di Malaysia.

-- BERNAMA

Teknologi dron semakin diterima pesawah

Kaedah pertanian moden bantu memudahkan kerja, tingkatkan hasil pengeluaran padi

WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR
ALOR SETAR

Penggunaan teknologi dron dalam sektor tanaman padi hari ini semakin diterima golongan pesawah kerana ia dikatakan bukan sahaja membantu menjimatkan masa malah mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi.

Seorang pesawah, Mohd Fauzi Mat Isa, 49, dari Kampung Kuar, Mukim Tajar, dekat sini berkata, dengan modal wang simpanan sebanyak RM27,000, dia membeli dron jenis Kustom sejak tiga tahun lalu bagi membantu memudahkan kerja menabur racun di kawasan sawahnya.

Menurutnya, penggunaan dron membantu memendekkan masa meracun pokok padi berbanding semburan menggunakan tong yang perlu digalas di bahu.

"Bila umur dah meningkat seperti sekarang ini, memang cepat penat tapi dengan adanya dron saya tidak perlu lagi turun dalam petak sawah untuk menabur racun."

"Paling penting penyemburan racun menggunakan dron adalah sekata berbanding menggunakan tong galas yang mungkin ada kawasan padi yang tidak kena racun," katanya ketika ditemui di Kampung Kuar pada Isnin.

Mohd Fauzi berkata, kaedah pe-



ABDUL RAHIM

Mohd Fauzi menggunakan modal wang simpanan sebanyak RM27,000 untuk membeli dron jenis Kustom sejak tiga tahun lalu bagi membantu memudahkan kerja menabur racun di kawasan sawahnya.

nyemburan racun menggunakan dron juga dapat membantu mengurangkan risiko terdedah racun perosak dan baja yang berbahaya kepada pesawah seperti itu.

Tambahnya lagi, dia bercadang untuk menaik taraf lagi dron yang dimiliki kepada jenis dron yang mampu menabur benih padi dan baja pula selepas ini.

"Dron yang terkini lebih canggih kerana mampu tabur benih, baja dan racun namun harganya memang lebih tinggi. Walaupun lebih mahal ia sebenarnya sangat membantu dalam menjimatkan masa para pesawah," ujar bapa kepada dua anak itu.

Seorang lagi pesawah, Abdul Rahim Mustaffa, 73, turut mengakui teknologi dron membantu menghasilkan kualiti padi

yang lebih bermutu.

Menurutnya, penggunaan dron mampu menarik minat generasi muda untuk terlibat dalam industri padi sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

"Saya mengerjakan sawah sudah lebih 30 tahun. Teknologi dron memang memudahkan kerja selain memendekkan tempoh membaja atau meracun petak sawah."

"Teknologi ini memang sangat diperlu-kan bagi memodenkan industri pertanian dalam memenuhi permintaan masa depan dan paling penting menarik penglibatan generasi muda dalam industri ini," kata-

30 ladang babi di Pulau Pinang dijangkiti ASF

GEORGETOWN - Sebanyak 30 ladang babi komersial di negeri ini di-

sahkan dijangkiti penyakit demam babi Afrika (ASF) yang melibatkan keseluruhan populasi 68,659 ekor ter-

jangkit di seluruh Pulau Pinang. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Pulau Pinang, Dr. Saira Banu Mohamed Rejab ber-

kata, daerah Seberang Perai Selatan merekodkan 19 ladang babi dijangkiti penyakit itu: Seberang Perai Tengah (2); Seberang Perai Utara (6) dan Barat Daya (3).

Menurutnya, kerja-kerja pemusnahan babi dari ladang-ladang yang mencatatkan angka kematian tinggi sehingga melebihi 30 peratus telah selesai dijalankan malah ketika ini kadar perebakkan penyakit dilihat semakin perlahan.

"Penemuan karkas babi dengan tanda-tanda klinikal seperti penyakit ASF di rumah sembelih telah ber-

kurang serta tiada aduan kematian babi yang tinggi di ladang babi. "Ini menunjukkan kaedah stamping out yang dijalankan oleh pihak JPV Pulau Pinang memberi kesan yang amat baik dalam menangani pe-

nyakit ini," katanya dalam satu kenyataan kepada Sinar Harian pada Selasa.

Sehingga 14 Februari, sebanyak 14,385 ekor babi telah dilupuskan dari 16 buah ladang positif ASF.

Tegasnya lagi, penternak dan orang awam perlu segera melaporkan sebarang kes kematian babi kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah terdekat Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri atau menghubungi talian 04-5041047.

"Penternak juga diharapkan tidak melupuskan babi yang mati dengan sendiri tanpa mematuhi SOP yang se-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/2/2023	THE SUN	NEWS	5

Green turtle carcass found on Labuan beach

LABUAN: A giant green sea turtle also known as *Chelonia Mydas* was found dead on Kampung Sungai Labu beach yesterday, with authorities saying it could have been hit by a boat propeller.

A villager spotted the carcass at 7.28am and alerted Bernama photographer Muqtadir Halim, who then reported to the Labuan Fisheries Department.

Its director Faizal Suhaili Ibrahim said the turtle was believed to have been washed up on the beach, which is popular with visitors on weekends.

"We found severe injuries on the body. The tissue was bloated and smelly, indicating the turtle has been dead for several days," he said.

Green turtles are found mainly in tropical and subtropical waters.

Like other sea turtles, they migrate long distances between feeding grounds and the beaches from where they hatch.

"The green sea turtles, which are classified as endangered species, are under high risk of extinction if threats to their survival are not addressed," he said. - Bernama

Headline	Large green sea turtle found dead on Labuan beach		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	15 Feb 2023	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	2	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	277 cm ²
Journalist	Bernama	AdValue	RM 1,544
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,633



A resident looking at the carcass of the Green Turtle at the beach of Kampung Sungai Labu. — Bernama photo

Large green sea turtle found dead on Labuan beach

LABUAN: A giant green sea turtle (*Chelonia Mydas*) was found dead on the Kampung Sungai Labu beach here Tuesday, with authorities saying it could have been hit by a boat propeller.

A villager spotted the carcass at 7.28 am and alerted Bernama photographer Muqtadir Halim, who then reported to the Labuan Fisheries Department.

Labuan Fisheries Department director Faizal Suhaili Ibrahim said the metre-long turtle was

believed to have been washed up on the beach, which is popular with visitors on weekends.

"We found severe injuries on the body. The tissue was bloated and smelly, indicating the turtle has been dead for several days," he told Bernama.

Green turtles are found mainly in tropical and subtropical waters. Like other sea turtles, they migrate long distances between feeding grounds and the beaches from where they hatch.

Classified as endangered, green turtles are threatened by overharvesting of their eggs, hunting of adults, loss of nesting beach sites and risk being caught in fishing gears.

"The species is under high risk of extinction if threats to their survival are not addressed," he said.

On Sept 17, 2022, a dead green turtle (with injury marks on its body) was found at the Mawilla beach here. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/2/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	20

Bangkai penyu hijau ditemui terdampar di Labuan

FOTO: BERNAMA

LABUAN - Seekor penyu hijau (*chelonina mydas*) ditemui mati di pantai Kampung Sungai Labu pada Selasa dipercayai terkena kipas enjin bot.

Pengarah Jabatan Perikanan Labuan, Faizal Suhaili berkata, penyu yang berukuran hampir satu meter panjang itu dipercayai telah dibawa arus ke pantai peranginan tersebut beberapa hari lepas.

"Kami mendapati ada kesan kecederaan teruk (pada badan penyu) tetapi tisu telah kembung dan berbau, menunjukkan bahawa penyu itu telah mati beberapa hari," katanya.

Bangkai penyu berkenaan ditemukan oleh seorang penduduk kampung pada 7.28 pagi Selasa dan beliau memaklumkan kepada jurufoto *Bernama*, Muqtadir Halim yang kemudiannya melaporkan penemuan itu kepada Jabatan Perikanan Labuan.



Seorang penduduk menunjukkan bangkai seekor penyu agar (*green turtle*) yang ditemui di pantai Kampung Sungai Labu, Labuan pada Selasa.

Penyu hijau merupakan spesies yang biasa ditemui di perairan tropika dan subtropika dan seperti penyu lain, spesies itu melakukan migrasi jarak jauh di antara tempat makan dan pantai ia menetas.

Reptilia itu diklasifikasikan sebagai spesies terancam akibat aktiviti pengambilan telur, pemburuan, terperangkap dalam peralatan menangkap ikan dan kehilangan tem-

pat bertelur.

"Spesies itu dalam risiko tinggi diancam kepupusan jika ancaman terhadap kelangsungan hidup spesies itu tidak ditangani," katanya.

Pada 17 September 2022, seekor penyu hijau dengan kesan kecederaan pada badan ditemukan di Pantai Mawillah di sini. - *Bernama*

Penuhi keperluan anggota, membolehkan mereka dapatkan barangan basah pada harga 30 peratus lebih murah

TDM perluas ladang integrasi kepada ternakan

nanti akan perluaskan kepada ayam, kambing dan ikan, sebab ia ladang integrasi jadi ia perlu meliputi semua sekali, lebih komprehensif. Ia sama juga dibuat di zon lain, ladang mesti boleh keluarkan semua sekali bukan hanya sayur-sayuran.

"Saya tak fikir pasal pulangan tetapi kebajikan anggota untuk mendapatkan harga lebih murah daripada pasaran, contohnya cili sekilo di pasaran RM30 tapi kita jual RM20 sahaja," katanya selepas merasmikan Ladang Integrasi Tentera Darat di Kem Syed Sirajuddin, Gemas di sini pada Selasa.

Ladang seluas 75 ekar itu merupakan usaha pengurusan tertinggi TDM dengan kerjasama Desatera Sdn Bhd iaitu anak syarikat Kumpulan Ibrahim's Dewina dan mula beroperasi 15 Mei tahun lepas.



Zamrose (kiri) melihat tanaman cili yang diusahakan di Ladang Integrasi Tentera Darat di Kem Syed Sirajuddin di Gemas pada Selasa.

Zamrose berkata, konsep ladang itu yang akan diperluaskan ke setiap zon-Utara, Selatan, Tengah, Sabah serta Sarawak - antara lain bakal memberi peluang kerjaya kepada ahli keluarga pegawai serta anggota veteran Angkatan Tentera

mahu tanah terbiar dan kosong, sayang kalau tidak digunakan," katanya dan menambah hasil tanaman akan dijual di kiosk tani di dalam kem tersebut.

Dalam pada itu, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Ibrahim's Dewina, Datuk Seri Ibrahim Ahmad berharap kerjasama berkenaan dapat memacu aspirasi bagi memperkasakan objektif kestarian dan keselamatan makanan supaya memberi manfaat kepada warga tentera dan rakyat di negara ini.

"Pada masa ini kita hanya guna 50 peratus daripada tanah yang disediakan untuk ladang ini dengan pulangan RM25,000 hingga RM35,000 sebulan, sekiranya tanah ini dapat dimanfaatkan keseluruhan, kita sasar akan mampu dapat RM50,000 ke RM60,000 sebulan," katanya. - Bernama

FOTO: BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/2/2023	KOSMO	K2	19



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/2/2023	KOSMO	K2	20



BEGINILAH rupa benih kerang yang digunakan dalam projek kebun kerang yang diusahakan di Sabak Bernam, Selangor.



PARA penternak kerang memantau kawasan di sekitar kebun kerang berhampiran Pantai Bagan Nakhoda Omar untuk dituai hasilnya.



Rencana
Utama

Oleh
GHAZALI ALIAS

'Menuai' kerang darah

SEWAKTU menelusuri perairan Sabak Bernam, Selangor baru-baru ini, penulis melihat seorang lelaki asyik menangguk kerang di sebuah kawasan tidak jauh dari Pantai Bagan Nakhoda Omar.

Pada wajahnya terukir senyuman apabila setiap tangkukannya dipenuhi dengan kerang-kerang pelbagai saiz yang sudah ideal untuk dijual kepada pembekal.

Di atas bot sampannya pula, sudah ada dua bakul yang dipenuhi dengan hasil kerang yang dikaut sejak awal pagi ketika air pasang.

Aktiviti tersebut sebenarnya sudah menjadi rutin tahunan buat seorang nelayan, Mohd. Noh Ikanan, 38, yang merupakan pengusaha kebun kerang.

Menurut bapa kepada seorang cahaya mata itu, biasanya awal tahun merupakan musim 'menuai' kerang yang telah ditanam dalam kitaran kira-kira setahun.

"Ternakan kerang merupakan antara kegiatan ekonomi penduduk di Sabak Bernam terutama di kampung-kampung sekitar Pantai Bagan Nakhoda Omar, rata-rata penduduk di sini mempunyai kebun kerang di kawasan persisiran pantai.

"Biasanya sekitar awal bulan iaitu Januari dan Februari adalah musim menuai hasil kerang daripada aktiviti pembenihan yang dilakukan sekitar Februari dan Mac tahun lalu," katanya kepada K2 baru-baru ini.

Tambahnya, hasil tuaian tahun ini dilihat bertambah baik meskipun perairan Sabak Bernam masih dalam fasa pemulihan untuk memperbaiki kualiti habitat kerang.

Merujuk portal MyAgri, kerang mempunyai banyak spesies tetapi hanya sebahagian daripadanya sahaja yang dimakan dan ditanam secara komersial.

Spesies kerang darah merupakan



KERANG darah yang ditanam kelihatan begitu segar.

sejenis kerang yang biasa dimakan oleh masyarakat Asia Tenggara terutama di Malaysia. Kerang jenis kerang darahlah yang ditanam oleh pengusaha di Sabak Bernam itu.

Kerang darah hidup di permukaan dasar dan boleh bersembunyi di dasar lumpur perairan pantai.

Penternakan kerang di Malaysia secara komersial boleh dijumpai di sepanjang

INFO

Penternakan kerang

- Di Malaysia, kerang secara komersial boleh dijumpai di sepanjang Pantai Barat Semenanjung Malaysia
- Antara negeri yang menjadi pengeluar kerang adalah Johor, Melaka, Selangor, Kedah dan Perak
- Di Selangor, projek penternakan kerang melibatkan tiga daerah utama iaitu Klang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam
- Spesies yang biasa dimakan oleh masyarakat Malaysia adalah kerang darah
- Kerang hidup di permukaan dasar dan boleh bersembunyi di dasar lumpur perairan

Pantai Barat Semenanjung Malaysia terutama di kawasan pantai berlumut dan berselut seperti di Johor, Melaka, Selangor, Kedah dan Perak.

Namun begitu, disebabkan masalah pencemaran berlaku kemerosotan pembenihan kerang.

Sebagai inisiatif untuk menangani masalah tersebut, Jabatan Perikanan

melaksanakan ternakan kerang melalui program konsep kebun kerang di Selangor.



MOHD. NOH merupakan salah seorang pengusaha kebun kerang di Sabak Bernam.

Menurut media, projek kebun kerang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Negeri Selangor pada tahun 2008 dengan melibatkan tiga daerah utama sebagai kawasan ternakan iaitu Klang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Inisiatif hasil cetusan idea bekas Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram, Datuk Amiruddin Setro itu dilihat banyak membantu meningkatkan taraf hidup nelayan di negeri Selangor dengan tambahan pendapatan RM2,500 hingga RM3,000 sebulan.

Projek tersebut bertujuan meningkatkan pengeluaran akuakultur negeri yang disertai nelayan tradisi secara berkumpulan dengan jumlah anggota antara lima hingga 10 orang bagi setiap lot ternakan.

Menyentuh inisiatif yang dilaksanakan Jabatan Perikanan Negeri Selangor, penternak kerang, Mohd. Fadli Rusni, 45, bersama rakan turut mengusahakan kebun kerang yang telah dijalankan di tapak seluas 50 hektar di perairan Bagan Nakhoda Omar di Kampung Simpang Empat, Sabak Bernam.

Berkongsi pengalaman mengusahakan kebun kerang, lelaki asal Sabak Bernam itu memberitahu, terdapat banyak cabaran yang dihadapi sepanjang empat tahun mengusahakan kebun kerang.

"Mengusahakan kebun kerang memerlukan pemantauan rapi kerana setiap kitaran mengambil masa antara lapan ke 14 bulan dan sepanjang tempoh itu kita harus pastikan benih-benih yang ditebar di tapak kebun membesar dengan sekata serta mengikut tempoh masa yang dianggarkan.

"Setiap tiga ke empat bulan selepas aktiviti pembenihan dijalankan, kita akan turun ke kebun untuk memantau pembesaran kerang, jika ia mencapai saiz tertentu ia perlu diserakkan supaya pembesaran tidak terganggu atau mati," ujarnya.

Tambahnya lagi, sepanjang memternak kerang, bapa kepada enam cahaya mata itu pernah berhadapan dengan episod malang apabila hasil tuaian semakin merosot hingga menyebabkan hasil



pendapatan turut berkurangan.

Katanya, pada peringkat awal, pulangan hasil ternakan amat memberangsangkan, namun ia sedikit berkurangan sejak beberapa tahun ini kerana keadaan tapak ternakan yang terjejas.

"Memternak kerang punyai risiko, jika kerang tidak mencapai saiz matang sekitar 28 milimeter ia tidak boleh dijual atau dituai, malah kerang yang lebih kecil juga harganya lebih murah.

"Hasil kerang juga akan terjejas jika kerang tercemar dan tidak selamat dimakan, hal ini bergantung kepada hasil penyediaan oleh wakil dari

MOHD. NOH menanggung kerang hasil daripada pembenihan yang dilakukannya tahun lalu.



Mengusahakan kebun kerang memerlukan pemantauan rapi kerana setiap kitaran mengambil masa antara lapan ke 14 bulan dan sepanjang tempoh itu kita harus pastikan benih-benih yang ditebar di tapak kebun membesar dengan sekata serta mengikut tempoh masa yang dianggarkan."

PERAIRAN yang menempatkan kebun-kebun kerang.

Jabatan Perikanan yang akan memantau kualiti kerang semasa ternakan dan selepas dituai," kongsi.

Tambahnya, setiap tuaian, penternak akan dapat mengumpulkan kira-kira 1,000 goni hasil kerang.

Segoni kerang dengan berat kira-kira 70 kilogram dijual pada harga minimum sekitar RM350 segoni, namun mengikut Mohd. Fadli harga kerang biasanya berubah ada ketikanya lebih tinggi daripada biasa.

Ceritanya lagi, mengusahakan kebun kerang awalnya merupakan aktiviti yang dirancang untuk menambah pendapatan nelayan, namun ia kemudian menjadi sumber pendapatan utama.

Katanya, hal ini berikutan impak daripada projek kebun kerang tersebut yang mendapat sambutan dan hasilnya yang dapat memenuhi permintaan pasaran.

"Kebun kerang ini boleh menjadi sumber pendapatan utama nelayan tradisional dan saya telah membuktikan perkara itu sejak menjalankan pemternakan ini dari mula ia diperkenalkan.

"Memternak kerang membuka satu peluang baharu khususnya buat nelayan untuk menceburi bidang baharu dan dalam masa sama menjaga pendapatan mereka," ujarnya mengakhiri bicara.

SUASANA persekitaran di perairan Sabak Bernam yang mendamalkan.

Kerang bernutrisi tetapi boleh tercemar

HIDANGAN kerang merupakan antara sajian makanan laut yang menjadi pilihan rakyat Malaysia ketika menjamu selera.

Dalam beberapa kajian yang dibuat dan direkodkan di jurnal-jurnal kesihatan, kerang mempunyai khasiat tersendiri yang membantu membekalkan zat kepada tubuh badan.

Menurut perkongsian pengamal perubatan, Dr. Zubaidi Ahmad di laman Facebook, kerang merupakan makanan yang digalakkan untuk makan bagi menambah sel darah merah.

"100 gram hidangan kerang mengandungi lebih kurang 3.0 miligram zat besi iaitu 17 peratus daripada jumlah

keperluan harian.

"Jumlah kandungan zat besi di dalam kerang mungkin berubah-ubah mengikut jenis dan tempat kerang, namun zat besi di dalam kerang masih tidak akan mengecewakan," katanya.

Tambahnya, selain kerang, tiram juga boleh dimakan secara berganti-ganti untuk meningkatkan sel darah merah.

Kongsi lagi, zat besi terkandung dalam kerang merupakan sejenis mineral yang membawa oksigen dalam hemoglobin atau sel darah merah ke seluruh tubuh sehingga sel-sel badan dapat menghasilkan tenaga.

Sementara itu, berdasarkan kajian

Fakulti Ilmu Rawatan Dan Kesihatan, Universiti Muhammadiyah Semarang, Indonesia, kerang terutama kerang darah merupakan sumber makanan berkadar protein tinggi. Ia juga mengandungi asid amino penting yang lengkap dan seimbang.

"Kerang darah bagus untuk dimakan orang ramai terutama ibu mengandung dan kanak-kanak. Namun, oleh kerana kerang merupakan salah satu makanan berasal dari laut, ia sangat mudah terdedah kepada logam berat, salah satunya plumbum yang berasal dari pembuangan sisa kilang atau industri," tulisnya.



DR. ZUBAIDI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/2/2023	UTUSAN MALAYSIA	GAYA TANI	24



ADA lebih 50 jenis pokok anggur diusahakan Mohd. Hisham Md. Isa di tapak semaiannya di Simpang Empat, Alor Setar, Kedah. - UTUSAN/JAMLI AH
+ ABDULLAH



ANGGUR tidak perlu disiram selalu.



MOHD. Hafizuddin memetik anggur jenis Jupiter.



MOHD. Hisham Md. Isa menanam anggur di sekitar halaman rumahnya.

Oleh JAMLI AH ABDULLAH
gayautusan@redjambua.com.my

BERMULA sekadar hobi dan berkeinginan untuk menjadi makanan seisi keluarga, hari ini, seorang pengusaha tapak semaian di Simpang Empat, Alor Setar di Kedah, berjaya menanam kira-kira 50 jenis anggur.

Kebun anggur diusahakan sejak 10 bulan lepas itu kini tumbuh merimbun di tapak semaian yang merupakan perkarangan kediaman Mohd. Hisham Md. Isa, 49.

"Teringin makan anggur petik sahaja," katanya berseloroh ketika *Utusan Malaysia* mengunjungi kediamannya di Simpang Empat, baru-baru ini.


Mengapa tidak kerana anggur berkenaan sudah mula berbuah dan paling menyeronokkan, ia sangat enak dan juicy, setanding anggur import yang boleh dibeli di pasar raya.

Menurut Mohd. Hisham, ada kira-kira 50 spesies anggur ditanamnya.

Antaranya adalah daripada baka terbaik dan popular seperti Jupiter, Casanova, Natalie, Red Globe, Sunny Dolce, Red Romance, Angelica, Nina Queen dan Carnival.

Kebanyakan baka anggur berkenaan, didapati

Anggur Simpang Empat manis, €



ADA kira-kira 50 spesies anggur ditanam Mohd. Hisham, antaranya Casanova

15/2/2023

UTUSAN
MALAYSIA

GAYA TANI

25



Kebanyakan baka-baka dimiliki akan 'dikahwinkan', bagi membolehkan ia menyesuaikan diri dengan cuaca tempatan."

dari Indonesia yang dikatakan semakin rancak mengkomersialkan tanaman tersebut.

Ada juga baka anggur yang dibeli dari Amerika Syarikat (AS), Jepun dan India.

Kebanyakan baka-baka dimiliki akan 'dikahwinkan', bagi membolehkan ia menyesuaikan diri dengan cuaca tempatan.

TIDAK RUMIT, SESUAI CUACA TEMPATAN

Penanaman anggur tidaklah serumit yang disangka kebanyakan orang kerana pada asasnya, penjagaannya sama sahaja seperti pokok buah-buahan yang lain.

Mohd. Hisham berkata, ramai yang rasa malas nak tanam anggur kerana pada sangkaan mereka, ia tidak sesuai dengan cuaca negara ini.

Realitinya, tumbuhan menjalar itu sangat sesuai ditanam di negara Asia, termasuk Malaysia yang cuacanya panas dan lembab, berbanding Barat yang memiliki cuaca empat musim.

"Anggur perlukan cuaca panas sepanjang masa. Ia juga tidak suka kepada hujan kerana boleh mengakibatkan daunnya berkarat, manakala buahnya tawar. Ramai juga yang takut tanam anggur sebab faktor hujan.

"Namun, tidak salah mencuba. Bagi yang mahu cuba tanam, saya sarankan buat rumah hijau berukuran tiga meter persegi sahaja. Kecil pun tak mengapa, janji boleh tanam dua tiga pokok sebagai percubaan," katanya.

Ujarnya aspek penjagaan juga tidak rumit, di mana ia memerlukan baja dan racun sama seperti tanaman lain.

"Begitupun, saya syorkan racun organik sahaja untuk hapuskan serangga termasuk hama merah yang suka makan bunga dan daun. Menyiram pula tidak perlu terlalu kerap sebab pokok anggur tidak boleh menahan air. Itu kita syorkan tanah yang dicampur bersama sekam padi," jelasnya.



KEBANYAKAN benih anggur ditanam diperoleh dari Indonesia.

'Sedia ajar, jual anak pokok'

POKOK anggur mula berbuah seawal usia lima bulan dan boleh dipetik beberapa bulan selepas itu.


Lebih menarik kata pengusaha ini, anggur boleh dituai sepanjang tahun kerana untuk 'membuahkanya', ia hanya perlu dipangkas batangnya bagi membolehkan tunas baharu tumbuh dan berbunga.

"Setelah dipangkas, tumbuh tunas dengan bunga, yang mana ia akan berbuah kembali. Anggur akan terus berbuah sehingga pokoknya mati," kata Mohd. Hisham.

Beliau mengakui, tanaman anggur itu sering menjadi perhatian orang ramai yang mengunjungi premis tapak semaian, malah ada yang datang untuk membeli.

"Ramai pelanggan yang datang ke sini, seronok tengok pelbagai jenis dan bentuk pokok anggur. Ada juga yang tidak dijual di kedai atau pasar raya. Ada yang nak minta beli, tapi saya tak jual. Kalau mahu makan, saya sedekah sahaja.

"Tetapi bagi mereka yang nak berjinak-jinak dengan



BUAH anggur boleh dituai sepanjang tahun.

penanaman anggur, saya ada menjual anak pokok dan sedia mengajar mereka kaedah penanaman anggur," katanya.

Walaupun usaha Mohd.

Hisham itu sekadar suka-suka, beliau amat berharap tanaman anggur di negara ini dapat dikomersialkan seperti yang dilakukan negara jiran.

ng
anak



Natalie dan Red Globe.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/2/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Ladang integrasi tentera diperluas

Oleh NOR AINNA HAMZAH
utusannews@mediamula.com.my

TAMPIN: Ladang Integrasi Tentera Darat yang kini sedang diusahakan dengan projek tanaman sayur-sayuran bakal diperluaskan dengan aktiviti ternakan seperti ayam dan ikan.

Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Zamrose Mohd. Zain berkata, langkah itu adalah bagi mengurangkan beban sara hidup warga tentera apabila mereka dapat membeli sayur-sayuran dengan harga 30 peratus lebih rendah berbanding harga di pasaran.

Jelas beliau lagi, selain bertujuan menampung keperluan warga tentera, isteri serta anak-anak anggota tentera yang tinggal berdekatan kem juga boleh bekerja di ladang berkenaan serta mendapat bayaran setimpal.

"Seperti di sini, contohnya harga cili di pasaran sekitar RM30, tentera boleh beli RM20. Jadi kami rancang untuk perluaskan ke semua zon iaitu Utara, Tengah, Selatan serta Sabah dan Sarawak bagi memanfaatkan tanah-tanah yang ada di dalam kem untuk keperluan warga tentera darat sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Ladang Integrasi Tentera Darat di Kem Syed Sirajuddin, Gemas, di sini, semalam.

Mengulas mengenai kemung-



ZAMROSE Mohd. Zain melawat Ladang Integrasi Tentera Darat Kem Syed Sirajuddin, Gemas, Tampin semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

kinan terhadap persepsi orang awam terhadap tugas tentera susulan kewujudan ladang integrasi tersebut, Zamrose menegaskan tugas anggota tentera tetap sama.

"Tugas hakiki tentera tetap sama, cuma ini adalah pendekatan kami untuk mengurangkan beban sara hidup dengan harga sayur-sayuran lebih murah. Anak, isteri boleh bekerja dan tanah terbiar di kem dapat dimanfaatkan sebaik mungkin," katanya lagi.

Ladang Integrasi Tentera Darat, Kem Syed Sirajuddin, Gemas merupakan projek kerjasama antara Tentera Darat Dan Desatera Sdn. Bhd. iaitu sebuah anak syarikat Kumpulan Bra-

him's Dewina.

Lawatan tapak pertama dilakukan pada 10 November 2021 di Pusat Rehabilitasi Pemasyarakatan, Kem Syed Sirajuddin dan melibatkan tanah berkeluasan 30 hektar yang dirancang dan kemudiannya diserahkan kepada Tentera Darat Malaysia.

Ladang integrasi tersebut telah mula beroperasi dan memasuki fasa penanaman pada 15 Mei tahun lalu. Pengerusi Eksekutif Kumpulan Brahim's Dewina, Datuk Seri Ibrahim Ahmad berkata, pihaknya hanya mampu menggunakan sekitar 50 peratus sahaja daripada jumlah tanah bagi tujuan ladang integrasi tersebut.



Home Grow Box perkenal konsep taman sayur dalam kediaman

JOHOR Land (JLand) baru-baru ini memperkenalkan konsep *Home Grow Box* yang boleh merealisasikan impian warga bandar untuk memiliki 'taman sayur-sayuran' sendiri, khususnya bagi penghuni kediaman bertingkat seperti pangsupuri dan kondominium.

Pengarah Eksekutif JLand, Mohd. Yusof Ahmad berkata, produk itu mudah dipasang dan seolah-olah seperti membuat taman permainan sayur-sayuran.

"Produk ini lengkap dengan wayar elektrik, lampu diod pemancar cahaya (LED), sistem amaran air, pam

air automatik, dek pertumbuhan dan sistem keselamatan," katanya.

Set produk tersebut dijual pada harga RM950 dan orang ramai yang ingin mendapat maklumat lanjut boleh datang ke Galeri Jualan Bandar Tiram.

■ SYAZA Syafiqah Sapudin memeriksa tanaman yang menggunakan kotak hidroponik berlampu LED yang sesuai diletakkan di dalam rumah terutama rumah bertingkat sempena Majlis Perasmian Sudut Lestari di Perpustakaan Sultan Ismail Johor Bahru. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/2/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Kawasan pejabat jadi kebun timun, halia

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamula.com.my

GUA MUSANG: Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Gua Musang memanfaatkan lokasi terbiar di kawasan pejabat dengan mengusahakan 4,000 tanaman halia dan timun secara Fertigasi sejak tiga bulan lalu.

Projek kelompok yang diusahakan oleh 10 ahli PPK itu bagi menstabilkan bekalan sayur-sayuran kepada penduduk setempat.

Pengurus Projek PPK Gua Musang, Abu Mohsein Setapa berkata, sebanyak 2,000 polibeg timun batang yang diusahakan itu sudah berjaya mengeluarkan hasil lebih 100 kilogram sehari sejak akhir bulan lalu.

Menurutnya, PPK Gua Musang menjangkakan hasil tuaian keseluruhan timun itu mampu mencecah sehingga tujuh tan semusim.

"Satu polibeg mampu menghasilkan tiga hingga empat kilogram buah timun sehari. Purata hasil buah timun batang dalam sehari kita mampu tuai antara 100 sehingga 500 kilogram (kg) sehari.

"Projek ini mampu mengeluarkan buah timun yang berkualiti sekali gus menerima permintaan tinggi apabila harganya mencecah RM6 sekilogram di pasaran tempatan baru-baru ini," katanya ketika ditemui di



MOHD. Zulharman Zakaria (berdiri) melihat ahli PPK Gua Musang membungkus timun sebelum dipasarkan di sekitar Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

pekarangan pejabat PPK Gua Musang di Bandar Baru, di sini semalam.

Sementara itu, Pengurus Besar PPK Gua Musang, Mohd. Zulharman Zakaria berkata, pihaknya bersyukur apabila Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) memberi peruntukan sebanyak

RM80,000 bagi menajayakan projek Fertigasi gantung itu.

Katanya, selain mendapat perolehan hasil daripada projek berkenaan, pihaknya juga ingin memperkenalkan sistem Fertigasi kepada ahli PPK dan penduduk setempat yang datang ke pejabat PPK Gua Musang.

Bermula sebagai peladang, kini miliki taman ruminan

KLUANG: Tiada siapa menyangka, bermula sebagai seorang peladang hampir 20 tahun lalu yang memelihara lembu daging serta kambing kini membolehkan seorang wanita berjinak-jinak dengan aktiviti agropelancongan.

Pengarah Cattle Queen Park (CQP), Aqim Marzuki berkata, taman ruminan yang menempatkan haiwan ternakan seperti kambing, biri-biri, kuda, lembu dan rusa dan kini merupakan bidang tambahan bagi syarikatnya, Lazuli Sdn. Bhd. yang sebelum ini memberi fokus terhadap bidang penternakan.

Beliau berkata, pembukaan pusat agropelancongan itu secara tidak langsung memberikan peluang kepada pihaknya mempromosikan produk ladang yang mempunyai lebih 5,000

ekor ternakan.

"Mula dibuka pada awal tahun 2020, CQP kini sudah dikunjungi lebih 10,000 pelancong dari dalam dan luar negeri atas kapasiti sebagai taman ruminan pertama di negara ini dan negeri Johor.

"Kami juga menawarkan pakej lawatan sambil belajar kepada pelbagai pihak yang ingin mendalami selok belok penternakan haiwan ruminan ini," katanya pada Majlis Pengiktirafan Cattle Queen Park (CQP) sebagai Taman Ruminan pertama di Malaysia semalam.

Sementara itu, Pengarah Tourism Malaysia, Muhamad Nasir Pahmi mengakui taman ruminan tersebut mempunyai tarikan tersendiri untuk menggamit kedatangan pengunjung.



AQIM Marzuki (dua dari kiri) dan Muhamad Nasir Pahmi (tengah) memberi makan biri-biri yang ditenak di Taman Ruminan CQP, Kluang, Johor. - UTUSAN/ADNAN IBRAHIM